

AeU tawar kursus jarak jauh terbaik

» *Jadi pilihan pelajar seluruh dunia lanjut pengajian*

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitinurazlinee@bh.com.my



■ Kuala Lumpur

Setiap pelajar perlu mendekatkan diri dengan pensyarah khususnya pelajar yang sedang menyiapkan kajian ilmiah mereka, kerana pertemuan bersama penyelia membolehkan pelajar memahami kehendak industri sekali gus dapat menyalurkan idea terbaik dalam membangunkan industri dengan berlandaskan hasil kajian mereka.

Jarak antara tempat bermastautin dan belajar sering menjadi penghalang untuk pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Fal-safah (PhD), kerana pelajar program peringkat ini selalunya memilih institusi pendidikan luar negara.

Miliki 21,000 pelajar

Di Asia e University (AeU), segalanya bukan lagi mustahil kerana AeU adalah universiti terbaik dalam menawarkan Pendidikan Terbuka Jarak Jauh (ODL) di Malaysia, malah sehingga hari ini AeU merekodkan lebih 21,000 pelajar berdaftar di 65 negara dan 9,000 sudah pun bergelar graduan.

Hampir 3,000 graduan dalam pelbagai bidang diraikan pada majlis Istiadat Konvesyen Asia e University (AeU) kelima di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), pada 20 September lalu.

Selain meraikan graduan dari dalam negara, AeU turut menganugerahkan sejumlah lebih 537 Ijazah kepada graduan program PhD, DBA dan sarjana kepada graduan antarabangsa.

Penganugerahan ini secara langsung membuktikan komitmen dan hala tuju AeU yang jelas dalam menjadi peneraju e-pendidikan yang disegani dan berkaliber. Majoriti penerima ijazah dari negara luar adalah untuk program Sarjana Pengurusan Perniaga-

an (MBA) iaitu antara program paling mendapat sambutan selain Ijazah Kedoktoran dan Sarjana Pendidikan.

Jalin kerjasama serantau Graduan Indonesia, Dr Nixon Alberth Simamora (**gambar**) yang berjaya menamatkan program Doctor of Business Administration (DBA) dengan memilih kajian ilmiah berhubung pembungkusan dalam sektor pengilangan, menyifatkan AeU pusat pengajian terhebat di Asia.

Dr Nixon berkata, pada awalnya beliau masih tercari-cari universiti yang boleh menerima pelajar jarak jauh, belajar secara separuh masa dan membuat kajian ilmiah dalam bahasa Inggeris sehingga beliau menemui AeU.

Beliau datang ke kampus AeU di Malaysia dan mendaftar sebagai pelajar dan perlu menghadiri 10 kelas bermula Jun 2009 hingga Oktober 2010 dan terpaksa berulang alik dari Indonesia ke Malaysia.

Walaupun pada awalnya beliau rasa cemas dengan silibus pengajian yang dipilih, selepas melihat sendiri bagaimana pelajar yang lebih berusia daripadanya mampu menghabiskan pengajian membuatkan Nixon gigih untuk bergelar graduan AeU.

“Saya percaya dengan wujudnya hubungan baik, pelajar bukan sekadar belajar untuk mendapatkan ilmu tetapi mampu mencari lebih daripada itu kerana kepakaran dan pengalaman pensyarah amat diperlukan untuk berjaya dan berketrampilan,” katanya.

Katanya, hubungan antara pelajar dan pensyarah sememangnya perlu dijaga kerana melaluinya, pelajar dapat memberi fokus terhadap proses pembelajaran sehingga mencapai sasaran yang disasarkan untuk bergelar graduan berjaya.